# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA , 1 MEI 2018

1. **KETENGAH BINA 200 UNIT RUMAH TERES – UM (TIMUR), 30**
2. **ISU DIRUJUK KEMENTERIAN, JOHOR – SH, 40**
3. **OPPOSITION ASKED TO EXPLAIN PROPOSED FREE EDUCATION – NEW SARAWAK TRIBUNE, 7**
4. **PETANI, PENTERNAK DAN PELADANG DISARAN DAFTAR MYGAP – UM ONLINE**
5. **BERSAMA PETANI, TERENGGANU – SH, 41**
6. **FISHERMEN ROOT FOR ABDUL RAZAK, SABAH DAN SARAWAK – NST, 2**

***UKKMOA***

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| Headline | Ketengah bina 200 unit rumah teres | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia (Timur) | | |
| Date | 01 May 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 17,000 |
| Page No | 30 | Readership | 51,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 355 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,024 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,072 |



# Ketengah bina 200 unit rumah teres

**KEMAMAN 30 April** - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) akan membina 200 unit rumah teres di satu penempatan baharu di Air Putih yang tidak lagi terdedah kepada banjir bagi keselesaan penduduk setempat.

Pengurus Besarnya, Omar Ismail berkata, projek yang bakal menjana ke arah kewujudan pusat pertumbuhan baharu itu dianggarkan menelan kos RM25 juta, dan pembinaannya dijangka akan bermula pada Oktober depan.

Di bawah program Pemajuan Kawasan Air Putih (PPK Air Putih) itu akan turut dibangunkan beberapa unit bangunan perniaagaan dua tingkat, surau, bangunan tadika dan padang permainan.

"Projek ini akan dibangunkan di atas tapak seluas 6.6 hektar di kawasan berhampiran dewan orang ramai," katanya ketika berucap dalam majlis Perletakan Batu Asas PPK Air Putih di sini semalam.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek di sini semalam. Yang turut hadir, Pengerusi Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd. Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar.

Omar berkata, PPK Air Putih ini penting bagi mencapai salah satu teras pembangunan Ketengah iaitu pembangunan pusat pertumbuhan dan kampung tradisi dalam memberi impak maksimunmkepada penduduk.

"Langkah ini bagi menyediakan penempatan strategik yang mampu menjadi asas pembinaan kehidupan kepada rakyat lebih baik dan selesa melalui penyediaan segala kemudahan yang mereka perlukan," ujarnya.

Beliau menarik perhatian, Ketengah yang telah mencapai usia 45 tahun penubuhan telah berjaya mengubah senario kawasan pedalaman di tiga daerah bagi mencorak masa depan yang lebih baik kepada penduduknya.

"Bukan sahaja pembangunan fizikal untuk kemudahan dan keselesaan tetapi juga pembangunan ekonomi dan sumber. Sehingga kini Ketengah telah membelanjakan lebih daripada RM1.5 bilion dalam melaksanakan tugas itu," ujarnya.

"Kita masih ingat 45 tahun lalu kawasan yang dikatakan sebagai Wilayah Ketengah pada hari ini diselimuti hutan belantara. Alhamdulillah hasil kerjasama kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, Ketengah berusaha membawa pembangunan bagi mempercepatkan proses kemajuan," katanya.

Menurut beliau, Ketengah akan terus merancang melaksanakan pembangunan hadapan. Fokus juga akan diberika kepada golongan muda agar mereka dapat merancang kehidupan yang baik tanpa perlu meninggalkan daerah ini.



**AHMAD SHABERY CHEEK (dua dari kiri)** melakukan batu asas PPK Air Putih di Kemaman, Terengganu, kelmarin.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu dirujuk kementerian | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Johor) | | |
| Date | 01 May 2018 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 40 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 99 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 396 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,188 |



# Isu dirujuk kementerian

**SEMENTARA** itu, calon BN kerusi Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, isu berkenaan akan dirujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk tindakan lanjut.

Katanya, isu dihadapi pengusaha bot tunda yang bimbang lesen kelas B dipegang mereka akan dihapuskan seharusnya perlu diteliti semula kerana melibatkan kesan yang cukup besar kepada punca rezeki dan bekalan ikan tempatan.

"Sebelum ini, sudah ada perjumpaan bersama pengusaha bot pukat tunda di Pontian Besar. Saya minta mereka siapkan memorandum tentang isu dihadapi.

"Masalah timbul kerana perairan di Pontian yang terletak di pantai barat Johor tidak luas seperti di utara dan timur negara," katanya.

Ahmad berkata, tindakan selanjutnya akan diambil dengan membawa isu berkenaan ke pengetahuan perdana menteri seandainya masih tiada tindakan di pihak kementerian terlibat.

Dalam pada itu, calon BN kerusi Dun Pulai Sebatang, Datuk Tee Siew Kiong berkata, pihaknya memahami suara hati masyarakat nelayan tempatan yang bergantung pendapatan kepada hasil tangkapan seharian.

Beliau berkata kedudukan persisiran pantai Pontian yang dekat dengan sempadan antarabangsa telah menyukarkan nelayan Zon B untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan melebihi 5 batu nautika.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Opposition asked to explain proposed free education | | |
| MediaTitle | New Sarawak Tribune | | |
| Date | 01 May 2018 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 46,471 |
| Page No | 7 | Readership | 164,773 |
| Language | English | ArticleSize | 118 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 458 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,374 |


RM38,000 worth of prizes up for grabs in contest

# Opposition asked to explain proposed free education

**KEMAMAN:** The opposition must give more detailed explanations from the economic point of view if they really want to provide free education and abolish the Goods and Services Tax (GST), says Minister of Agriculture and Agro-Based Industry, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

He said there had been no substantial explanations on the matters made by the opposition so far as what they offered was only a manifesto to gain people's attention and support.

"Actually, the opposition parties have been inconsistent when talking about education in our country. They only want to be a populist by declaring that they would give free education from primary to tertiary level.

"Our national education is already free, even at tertiary level. What is being charged is only a small portion of the actual cost, which is why the fees in our public universities are among the lowest," he told reporters at the Teachers' Day celebration held at Sekolah Menengah Imtiaz Kemaman here yesterday.

Also present were Kemaman UMNO division chief, Datuk Seri Ahmad Said, and three Barisan Nasional candidates for the state seats in Kemaman, namely, Rosli Othman, Datuk Mohamed Awang Tera, and Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/5/2018 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Petani, penternak dan peladang disaran daftar myGAP

**Mohammad Al Faizal Abdul Karim**
01 Mei 2018 3:12 PM



Ismail (dua dari kanan) meninjau reruai yang dibuka sempena Pelancan Promosi dan Jualan Hasil Tani myGAP di sini.

KUALA LUMPUR 1 Mei- Petani, penternak dan peladang disaran untuk mendapatkan sijil Malaysia Good Agricultural Practices (myGAP) bagi memastikan kualiti hasil keluaran mereka terjamin.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar berkata, pensijilan itu penting sebagai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi amalan pertanian yang baik.

“Pensijilan myGAP besar kesannya terutama dalam menarik keyakinan masyarakat terhadap keluaran tempatan.

“Oleh itu saya sarankan semua petani, penternak dan peladang di negara ini daftarkan hasil keluaran mereka di bawah program ini segera,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Promosi dan Jualan Hasil Tani myGAP di AEON Alpha Angle, Wangsa Maju. - UTUSAN ONLINE

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | BERSAMA PETANI... | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Terengganu) | | |
| Date | 01 May 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 41 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 119 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 834 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,501 |






**4 BERSAMA PETANI...**Calon Dun Hulu Besut, Nawi Mohamad bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian Malaysia, Badrul Hisham Mohd dalam program Bersama Petani di kawasan Empangan Paya Peda, Hulu Besut.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fishermen root for Abdul Razak | | |
| MediaTitle | New Straits Times (Sabah and Sarawak) | | |
| Date | 01 May 2018 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 24,000 |
| Page No | 2 | Readership | 72,000 |
| Language | English | ArticleSize | 156 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 480 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,440 |




BUGAYA ASSEMBLYMAN

# Fishermen root for Abdul Razak

**KOTA KINABALU:** The Semporna Fishermen's Association is rooting for Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) board of directors member Datuk Abdul Razak Sakaran to be the Bugaya assemblyman.

Association chairman Salleh Abdul Salleh said the Barisan Nasional candidate had done a lot for the fishing community and had united fishermen throughout the state.

"Within a year on the LKIM board, Abdul Razak had provided assistance in terms of fishing equipment, outboard engines and fishing cages to Semporna fishermen," said Salleh.

"He never fails to emphasise the importance of education in the fishing community. Motivational classes and seminar courses have been held in the district since he became an LKIM board member."

Salleh said Abdul Razak had shown that he was committed to helping the fishing community, particularly in Semporna.

He said he had established a fishing complex, provided allocations for house repairs and reorganised fishing villages.

Salleh said Abduk Razak had united all fishermen in Sabah through the Gelombang Nelayan Nasional programme, including 15,000 fishermen in Semporna.

He said many of the problems faced by fishermen had been highlighted and brought to the attention of Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and the Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

"I hope voters in Bugaya support Abdul Razak," he said.

Razak faces five contenders — Mohammad Said Tiblan (Parti Perpaduan Rakyat Sabah), Kulli Maralam (Parti Kebangsaan Sabah), Mahamod Sarahil (PAS), Manis Muka Mohd Dara (Parti Warisan Sabah) and Abd Muksin Mohamad Hasan (independent).

**By Avila Geraldine**

Powered by: isentia